



03 JUL, 2021

Petugas PPV Kota Belud terima sumbangan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 1

Petugas PPV Kota Belud terima sumbangan

Oleh Yap Siong Hang

KOTA BELUD: Kira-kira 70 petugas barisan hadapan menerima sumbangan sempena Program Tanggungjawab Sosial (CSR) MAFI Prihatin oleh FAMA Sabah di Pusat Pemberian Vaksin Dewan Tun Said Kota Belud.

Majlis penyerahan itu telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah FAMA Datuk Japlin Akim.

Japlin berkata, sumbangan berkenaan adalah sebagai tanda terima kasih dan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus menangani gelombang ketiga pandemik COVID-19 ketika ini.

“Sumbangan ini diharapkan mampu memberi semangat kepada petugas-petugas di PPV Kota Belud untuk memberi perkhidmatan yang terbaik.

“Terima kasih juga kepada rakyat yang membantu kerajaan dan mengekalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan.

“Kita sama-sama berdoa semoga penurunan kadar jangkitan ini berterusan dan terus bekerjasama melandaikan jangkitan wabak ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Japlin yang juga Ketua Bahagian BERSATU Kota Belud berkata, meskipun negara masih belum berjaya



SERAH: Japlin (dua kanan) menyampaikan sumbangan di PPV Kota Belud.

sepenuhnya menangani wabak COVID-19, namun semua itu tidak boleh dijadikan alasan kepada masyarakat setempat menjaga keselamatan dan kesihatan.

Katanya, bagi menjaga keselamatan dan kesihatan diri, masyarakat perlu patuh SOP dengan memakai pelitup muka, melakukan sanitasi tangan dan menjaga penjarakan fizikal.

Turut hadir sama ialah Pengarah Fama Sabah, Ribin Wahid.

Dalam pada itu, sumbangan berbentuk barangan makanan segar turut diagihkan kepada para doktor, jururawat serta petugas yang bertungkus-lumus memastikan pemberian vaksin berjalan dengan lancar.

Dalam pada itu, Japlin turut menyokong penuh Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini.

“Nilai keseluruhan RM150 bilion pasti dalam dimanfaatkan untuk kesemua tiga fokus utama PEMULIH iaitu meneruskan agenda prihatin rakyat, menyokong perniagaan dan meningkatkan vaksinasi.

“Selain itu, banyak lagi manfaat lain khas untuk rakyat dari pelbagai kategori pasti mampu membantu meringankan beban takkala pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP),” katanya.